

06 JUL 2003

Lim-Rusia/I

M'SIA HARAP DAPAT METERAI PERJANJIAN PENJUALAN MINYAK SAWIT DGN RUSIA

IPOH, 6 Julai (Bernama) -- Kementerian Perusahaan Utama berharap dapat memeterai perjanjian berkaitan eksport minyak sawit semasa lawatan Presiden Rusia Vladimir Putin ke Malaysia Selasa ini.

Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik berkata Malaysia telah menyediakan RM190 juta dalam aturan pembayaran kredit minyak sawit (POCPA) bagi Rusia membeli minyak sawit Malaysia.

Beliau berkata kedua-dua buah negara telah mengadakan rundingan mengenai perkara itu dan berharap dapat memeterai perjanjian semasa lawatan berkenaan.

"Jika tak silap saya, perbincangan juga akan dibuat mengenai hasrat Malaysia membeli jet buatan Rusia, Sukhoi Su/30MKM, dan saya percaya ia akan membawa kesan kepada dagangan timbal balas minyak sawit," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung parti Gerakan Perak di sini hari ini.

Dr Lim, yang juga Presiden Gerakan, berkata hasrat Malaysia untuk membeli jet-jet pejuang Sukhoi itu akan membuka pasaran baru kepada Malaysia bagi mengeksport barangannya ke Rusia.

"Sebenarnya, Rusia amat penting kepada kita sebelum 1990 apabila Rusia mengimport minyak sawit kira-kira 400,000 ton setahun. Bagaimanapun, selepas Soviet Union berpecah, penjualan minyak sawit menurun di bawah 60,000 ton," katanya.

Beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melawat Ukraine Khamis ini dan kementerian berkenaan juga menyediakan POCPA berjumlah RM38 juta untuk Ukraine.

"Sejak dua tahun lepas apabila harga minyak sawit semakin menurun mulai Januari 2001, kami telah memulakan pelbagai tindakan bagi memperkuatkan kedudukan kami di pasaran dan meningkatkan harga minyak sawit, terutamanya di negara-negara pengguna.

"Pertama sekali ialah meningkatkan kemudahan POCPA kepada negara-negara yang memerlukan kredit bagi membeli minyak sawit Malaysia. Dengan cara ini, kita berupaya mengeksport lebih banyak minyak sawit. Kedua ialah menerusi dagangan timbal balas. Kita akan teruskan usaha ini untuk mempromosikan minyak sawit Malaysia," kata beliau lagi.

Dr Lim juga berkata sebuah Jawatankuasa Kabinet mengenai mempertingkatkan pendapatan pekebun kecil telah ditubuhkan dan ianya dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Jawatankuasa ini turut akan melibatkan agensi-agensi kerajaan berkenaan seperti Felcra, Felda dan Risda. Kita mahu gabungkan kebun-kebun kecil di kampung menjadi satu estet besar supaya mereka lebih kos produktif.

"Dalam hal ini, tanah mereka bergabung tetapi hak milik tanah kekal. Ini adalah bagi memastikan tanah mereka tidak terbiar tanpa diusahakan dan memberikan hasil yang lebih," katanya.

-- BERNAMA

KAY ROS